

Jiwai penanganan Ramadan

Institusi

Oleh HISHAMUDDIN AYUB
agama@utusan.com.my



HIKMAH di sebalik Ramadan adalah cukup besar malah berupaya menonjolkan pelbagai kesan positif terhadap keseluruhan perjalanan hidup seseorang individu dan kehidupan bermasyarakat.

Berpuasa Ramadan bukan sekadar terapi terbaik untuk seluruh sistem dalam tubuh tetapi kesan baik daripada kehadiran bulan penuh kemuliaan itu turut mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia sebagai khalifah di muka bumi.

Pengarah Institut Islam Hadhari (Hadhari), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Yusof Othman berkata, dari sudut akhlak, puasa berupaya membentuk satu sifat kasih mengasih atau bersimpati terhadap golongan tidak bernasib baik dan miskin yang kelaparan.

"Kisah menarik yang boleh saya kongsi bagi dijadikan teladan bertubung keindahan berpuasa adalah pengalaman bekas wartawan terkemuka, Lauren Booth semasa bertugas membuat liputan di Gaza.

"Beliau yang merupakan adik tiri kepada Cherie Blair iaitu isteri bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair dan anak keenam pelakon Tony Booth terkesan apabila seorang wanita Palestin miskin menyatakan kebaikan berpuasa adalah mengingatkan tentang kesusahan hidup orang miskin dan wanita Palestin itu tetap menghadirkan minuman meskipun sedang berpuasa," katanya ketika berucap sempena

Siri Wacana Hadhari Bilangan 4/2017, baru-baru ini.

Seorang lagi penceramah yang terlibat dalam siri wacana tersebut ialah Felo Utama Bersekutu Hadhari, Prof. Dr. Khairul Anwar @ Johari Mastor.

Yang hadir sama Felo Kanan Bersekutu Hadhari, Prof. Madya Dr. Fariza Md. Sham yang menyampaikan ucapan aluan sempena sambutan ulang tahun ke-10 institut tersebut.

Mengulas lanjut, Mohd. Yusof berkata, dari sudut ekonomi, Ramadan berjaya membentuk masyarakat Islam yang menceburi bidang perniagaan, satu cabang rezeki yang cukup besar dan disarankan dalam Islam.



DR. MOHD. YUSOF OTHMAN

Selain itu, dalam bidang sosial katanya, amalan dan ibadah secara berjemaah dapat diperkukuh menerusi amalan solat tarawih di masjid atau surau, berziarah serta mengeratkan hubungan ukhawah dengan bertukar-tukar hidangan berpuasa.

Tambahnya, dalam aspek tanggungjawab terhadap agama dan ketakwaan kepada Allah SWT, Ramadan merupakan titik dan masa terbaik memperbaharui tahap keimanan kepada Yang Maha Kuasa.

"Berpuasa adalah penyelesaian terbaik terhadap semua masalah dan penyakit fizikal, malah tidak kurang juga sebagai penyelesaian sempurna kepada masalah kerohamian.

"Tarbiyah selama 30 hari mampu mengembalikan kita sebagai umat Islam kepada fitrah sebenar kehidupan dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, selain mengubati penyakit roh dengan beramai dengan sifat



AMALAN berpuasa berupaya mendidik hati untuk menjadi lembut dan bersifat kasih sayang sesama insan terutama golongan tidak bernasib baik. -GAMBAR HIASAN



DR. KHAIRUL ANWAR

mahmudah, menjauhi sifat mazmumah, jangan memakan makanan yang haram, menunaikan hak sesama manusia serta menunaikan hak Allah," katanya.

Sementara itu, Khairul Anwar berkata, amalan berpuasa mampu melahirkan akhlak mulia dan kestabilan emosi yang baik dalam diri manusia.

Menurutnya, puasa yang sempurna dan berkualiti akan mewujudkan ketakwaan tinggi dalam diri, seterusnya membentuk sebuah personaliti baik dan membentuk kestabilan

Amalan berpuasa mampu melahirkan akhlak mulia dan kestabilan emosi yang baik dalam diri manusia"

emosi yang kukuh. Malah katanya, kesan daripada puasa Syaaban dan diikuti puasa sunat enam dalam bulan Syawal boleh memberi petunjuk kepada darjah kekuatan kesan puasa ke atas takwa, bergantung kepada mutu puasa seseorang individu tersebut.

"Tahap takwa akan

menentukan sejauh mana penzahiran kepenibadian mulia melawan tingkah laku keji kerana takwa diterjemahkan dalam bentuk akhlak dan tingkah laku," katanya.

Selain itu katanya, darjah kekuatan kesan puasa ke atas takwa bergantung kepada kesan semasa dan di atas faktor itu, umat Islam jangan mengharap puasa dahulu akan memberi kesan kepada takwa pada masa sekarang atau masa hadapan.

Sehubungan itu katanya, umat Islam perlu istiqamah dalam membuat amalan dan beribadah kepada Allah SWT, selain terus berdoa agar diperkukuh tahap keimanan dari semasa ke semasa.

Checklist Ramadan

Oleh NAHAR AFANDI GHAZALI
Pengasas Pusat Tarbiyah Ilamiyah Darul Atiq



☐ Ramadan merupakan bulan tarbiyah, maka perlu memanfaatkan sepenuhnya untuk mencorakkan diri kepada lebih baik.

☐ Pelihara lidah daripada bercakap maksiat, perbanyak berzikir dan bersabar daripada bercakap buruk kerana setiap amalan pada bulan puasa akan digandakan.

☐ Didik diri pada bulan Ramadan untuk berhenti mengumpat terutama menggunakan seluruh media kerana pahala ibadah akan berpindah kepada orang yang diumpat.



☐ Ambil kesempatan untuk menggantikan (qada) solat fardu.

☐ Jauhi memandang maksiat sebaiknya melihat sesuatu yang boleh mendatangkan pahala seperti wajah suami atau isteri, ibu bapa, al Quran, Rasulullah.

☐ Jadikan Ramadan sebagai platform mengeratkan rumah tangga iaitu sesama suami isteri, anak-anak dengan memanfaatkan waktu berbuka puasa bersama.

☐ Menegah anggota kaki, tangan daripada melangkah ke tempat maksiat sebaliknya menuju ke rumah Allah atau tempat ibadah.



☐ Elakkan makan dengan mengikut nafsu ketika berbuka puasa sebaliknya mengambil sekadar perlu.

☐ Sunat memulakan berbuka puasa dengan kurma, madu, air zam-zam, air mineral.

☐ Bergantung harap, takut kepada Allah dengan memperbanyak berdoa agar memperkukuh kemampuan-Nya ketika berbuka puasa.